



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 9 DISEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	USAHA LINDUNGI TERUMBU KARANG, SINAR NEGERI SEMBILAN, SH -32 MUSIM TENGGUJUH DITUNGGU PENGUSAHA IKAN PEKASAM, NASIONAL, BH -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4.	KELANTAN RAYU PUSAT BANTU PENANAM RUGI RM2.4J, NASIONAL, BH -15 HARAP PUSAT BANTU PETANI RUGI AKIBAT BANJIR, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -36	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI SEMBILAN	32

Usaha lindungi terumbu karang

PORT DICKSON - Dalam memastikan kesuburan terumbu karang di Kawasan Larangan Perikanan di Tanjung Biru dan Monkey Bay di sini seramai 90 sukarelawan termasuk penyelam skuba menanam 200 terumbu karang dan melakukan pembersihan pantai serta dasar laut kelmarin.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, program 'Voluntourism Malaysiaku Bersih Indah; Beach & Reef Clean Up Port Dickson' dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu serta badan bukan kerajaan antaranya Mountain Diver dan Trash Hero itu turut melepaskan 4,000 benih ketam bunga dan penyu.

"Ini merupakan aktiviti sukarela yang kami bukan sahaja mengutip sampah sarap di sepanjang pesisiran pantai tetapi juga mengutip sampah yang ada di dasar laut ini sebagai usaha menjaga terumbu karang," ka-

tanya selepas merasmikan program itu di sini kelmarin.

Halimi berkata, pewartaan Kawasan Larangan Perikanan di kawasan itu untuk sebarang aktiviti penangkapan ikan mahupun mengambil cangkerang atau karang dalam jarak satu batu nautika dari pantai bertujuan melindungi terumbu karang yang sangat unik yang ada di pesisiran pantai berkenaan.

Katanya, kawasan itu yang terlalu mudah diakses dari darat menjadi cabaran bagi pihaknya melindungi terumbu karang serta hidupan laut yang ada di kawasan berkenaan.

"Selain itu, aktiviti pembangunan dan pengorekan pasir laut yang berlaku di sekitar kawasan itu juga dibimbangi akan menghakis kesuburan terumbu karang seperti cadangan projek pembinaan pelabuhan besar dan penambakan pantai yang mungkin boleh menjejaskan terumbu karang," katanya. - *Bernama*

Musim tengkujuh ditunggu pengusaha ikan pekasam

Pasir Puteh: Musim tengkujuh biasanya merisaukan ramai orang kerana bimbang berlaku banjir, namun bagi pengusaha ikan pekasam seperti di Kampung Tok Ajam, Jelor, di sini, musim itu ditunggu-tunggu kerana memperolehi pendapatan lumayan.

Seorang pengusaha, Normala Muhammad, 34, berkata sepanjang musim berkenaan, beliau mampu meraih pendapatan RM5,000 sebulan berbanding RM3,000 pada musim biasa hasil daripada memproses ikan air tawar daripada spesies sepat, puyu, tilapia dan lampam menjadi ikan pekasam.

"Musim ini orang ramai menjadikan ikan pekasam sebagai bahan pencicah ubi kayu rebus dan pulut yang sesuai dihidangkan pada waktu pagi dan petang," katanya ketika ditemui di kedainya di kampung itu di sini, semalam.

Kampung Tok Ajam adalah satu-satunya lokasi pembekal ikan air tawar daripada pelbagai spesies yang terbesar di Kelantan.

Normala berkata, setiap hari beliau dapat memasarkan antara 40 hingga 50 kilogram ikan pekasam bagi memenuhi permintaan penduduk Kelantan, Terengganu, Kuala Lumpur malah turut mendapat pesanan dari Sabah.

Katanya, ikan pekasam yang dihasilkan diproses dengan mengambil masa selama setahun sebelum dipaket dan diedarkan kepada orang ramai dan tahan disimpan selama tiga tahun tanpa merjeaskan kualitinya.

Beliau berkata, selain ikan pekasam, beliau turut membekal

ikan ikan kering haruan istimewa untuk ibu yang baru bersalin dan ikan air tawar sejuk beku yang boleh didapati pada bila-bila masa tanpa mengira musim.

Normala berkata, ikan yang diprosesnya terdiri daripada ikan segar yang baru ditangkap oleh penduduk dari sungai berdekatan dan dijual kepadanya setiap hari.

"Pernah satu ketika saya membeli ikan sebanyak 5,000 kilogram daripada penduduk kampung dan secara tidak langsung saya juga membantu mereka menerusi pasaran mudah dan terjamin selain memberi pekerjaan tetap kepada tiga penduduk untuk membantu saya," katanya.

Normala berkata, beliau memulakan perusahaannya itu sejak 2013 dan melebarkannya selepas mendapat tunjuk ajar daripada Jabatan Perikanan mengenai kaedah memprosesnya daripada menggunakan cara tradisional kepada kaedah terkini.

Beliau berkata, Jabatan Perikanan negeri juga membantu menyediakan peralatan peti sejuk dan rak bernilai RM10,000.

BERNAMA

Fakta Nombor

RM5,000

pendapatan diraih
pengusaha ikan
pekasam ketika
musim tengkujuh



Ikan pekasam yang dihasilkan daripada spesies ikan air tawar mendapat permintaan tinggi ketika musim tengkujuh. (Foto hiasan)

Kelantan rayu Pusat bantu penanam rugi RM2.4j

Pasir Puteh: Kerajaan Kelantan meminta Kerajaan Pusat membantu penanam di daerah Semerak, di sini yang mengalami kerugian RM2.4 juta selepas tanaman mereka terutama ubi keledak musnah akibat ditenggelami banjir awal bulan ini.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Abdul Azziz Kadir, berkata Kerajaan Pusat perlu membantu Kelantan bagi meringankan beban penanam yang mengalami kerugian besar dan sukar untuk dipulihkan.

"Kerjasama kerajaan pusat perlu bagi memulihkan pendapatan penanam yang terjejas teruk disebabkan fenomena yang tidak diduga," katanya kepada pemberita dalam satu perjumpaan khas antara penanam dan agensi yang berkaitan di Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerak, di sini, semalam.

Dalam kejadian itu, seramai 200 penanam yang sebahagian besar mengusahakan tanaman ubi keledak Vitato selain petola dan cili di kawasan seluas 160 hektar di Kampung Haji Wan Omar, musnah akibat ditenggelami air selama empat hari berpuncu daripada sistem perparitan gagal berfungsi untuk mengalirkan air ke Terusan Semerak.

Abdul Azziz berkata, beliau



Wan Hassan (kanan) bersama sebahagian petani yang berdepan kerugian akibat tanaman ditenggelami air di Pusat Khidmat DUN Semerak, semalam.
(Foto NOR AMALINA ALIAS/BH)

akan mengemukakan bantuan daripada Kerajaan Pusat melalui jawatankuasa khas bersama yang ditubuhkan, yang akan bermesyuarat dalam tempoh terdekat.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Jajahan Pasir Puteh, Asrul Sani Ramli, berkata pihaknya sedang melancarkan gerakan membanci untuk mengetahui kerugian sebenar yang dialami oleh penanam terbabit yang merupakan bekas penanam tambakau.

Bagaimanapun beliau berkata,

penanam terbabit dikehendaki melaporkan kepada pihak polis tentang jumlah kerugian yang dialami bersertakan dengan gambar selain mengisi satu borang khas.

Jurutera Jajahan, Pejabat Parit dan Saliran (JPS) Pasir Puteh, Wan Azimuddin Wan Ibrahim berkata pihaknya memperuntukkan sejumlah RM20,000 untuk membansih parit di kawasan itu sepanjang tiga kilometer.

Katanya, kerja-kerja pembersihan dari semak-samun yang

menghalang pengaliran air akan dilakukan pada minggu ini sebagai persediaan untuk menghadapi fenomena yang dijangka berulang sehingga awal tahun hadapan.

ADUN Semerak, Wan Hasan Wan Ibrahim pula berkata, beliau akan menyumbang 50 pek bekalan makanan keperluan harian bernilai RM5,000 kepada penanam yang mengalami kerugian besar bagi meringankan beban keluarga pada musim tengkujuh ini.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KELANTAN	36

Harap Pusat bantu petani rugi akibat banjir

PASIR PUTEH - Kerajaan Kelantan meminta kerajaan Pusat membantu petani di daerah Semerak di sini yang mengalami kerugian RM2.4 juta setelah tanaman mereka terutama ubi musnah akibat ditenggelami banjir awal bulan ini.

Timbalan Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Abdul Azziz Kadir berkata, kerajaan Pusat perlu membantu Kelantan bagi meringankan beban petani yang mengalami kerugian besar dan sukar untuk dipulihkan.

"Kerjasama kerajaan Pusat perlu bagi memulihkan pendapatan penanam yang terjejas teruk disebabkan fenomena yang tidak diduga," katanya kepada pemberita dalam satu perjumpaan khas antara petani dan agensi yang berkaitan di Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerak di sini semalam.

Dalam kejadian itu, seramai 200 petani yang sebahagian besar mengusahakan tanaman ubi keledek vitato selain petola dan cili di kawasan seluas 160 hektar di Kampung Haji Wan Omar musnah akibat

Info Banjir

KELANTAN

Jumlah mangsa: 281 orang
Jumlah keluarga: 80 keluarga
Jumlah PPS: 3 lokasi

*Setakat jam 6 petang semalam

ditenggelami air selama empat hari berpunca daripada sistem perparitan gagal berfungsi untuk mengalirkan air ke Terusan Semerak.

Abdul Azziz berkata, beliau akan mengemukakan permohonan bantuan daripada kerajaan Pusat melalui jawatankuasa khas bersama yang ditubuhkan yang akan bermesyuarat dalam tempoh terdekat.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Jajahan Pasir Puteh, Asrul Sani Ramli berkata, pihaknya sedang melancarkan gerakan banci untuk mengetahui kerugian sebenar yang dialami oleh petani terbabit yang merupakan bekas penanam tembakau. - *Bernama*

200 petani dakwa rugi RM2.4 juta

Tanaman ubi vitato dan sayuran musnah ditenggelami banjir

MAZEEN LIANA KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Seramai 200 petani mendakwa kerugian RM2.4 juta selepas tanaman ubi vitato dan pelbagai jenis sayuran yang dititih di atas tanah seluas 160 hektar di sekitar Tok Bali dekat sini ditenggelami banjir beberapa hari lalu. Situasi itu menyebab-

kan punca pendapatan mereka terjejas kerana tanaman berkenaan hanya menunggu masa untuk dituai.

Wakil petani, Samsudin Mat Nor, 52, mendakwa masalah tersebut berpunca daripada sistem perparitan yang sudah lama tidak diselenggara dengan baik menyebabkan kawasan tersebut ditenggelami banjir akibat hujan lebat.

"Sebelum ini, sistem perparitan diselenggara oleh LKTN (Lembaga Kanan dan Tembaku Negeri) kerana kami adalah bekas petani yang menasihatkan mereka satu masa dahulu," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Samsudin berkata, mereka percaya sebenarnya sistem perparitan itu disel-



Petani berlegan besei apabila tanaman mereka rosak selepas ditenggelami air banjir.

enggara dengan baik, banjir yang melanda kawasan tersebut akan berlaku dalam tempoh yang singkat. Katanya, tempoh banjir

yang agak panjang dan melebihi beberapa hari itu menyebabkan ubi yang dititih rosak dan gagal diselamatkan.

"Pokok nampak cantik secara luarannya namun intinya sudah rosak dan tidak dapat dijual selaligus menyebabkan kami meng-

alami kerugian," katanya. Samsudin berkata, ubi tersebut sepatutnya dituai dalam tempoh dua minggu lagi.

Sementara itu, Mohd Amikudin Mohd Asri, 26, yang mengusahakan tanaman petola berkata, dia tidak dapat mengutip hasil selepas tanaman itu ditenggelami air sedalam 0.7 meter.

Katanya, ekoran banjir itu dia mengalami kerugian lebih RM10,000.

Sementara itu, tinjauan *Sinar Harian* mendapati kebanyakan tanaman yang ditenggelami rosak selepas ditenggelami banjir.

Kebanyakan petani terlibat terdiri dari Kampung Haji Wan Omar, Pion, Aman, Air Terjun, yang dan Projek LRT Tawar.

Laporan
Sinar Harian
5 Disember
2019.